



TEGUH MELANGKAH, LAJU MELUNCUR: KESEJAJARAN PEMBANGUNAN

BAHASA MELAYU DI SINGAPURA

Farizan Md Amin

(Singapura)

Abstrak

Kedudukan dan peranan bahasa Melayu telah berkembang luas dalam sejarah perkembangan dan kebangkitan tamadun Melayu. Sejak zaman Sriwijaya pada abad ke-7 Masihi, rentak perkembangan sejarah bangsa Melayu, sealiran dengan penggunaan bahasa Melayu. Hal ini berlaku melalui penemuan batu -batu bersurat. Penyebarluasan bahasa Melayu memuncak tatkala zaman Kesultanan Melayu melalui perdagangan, hubungan sosial, tampuk kepimpinan dan juga paparan budaya. Namun demikian, perpecahan yang berpunca daripada kesan penjajahan telah meninggalkan kesan yang amat berpanjangan terhadap kegemilangan bahasa Melayu. Upayakah kita menggemilangkan semula bahasa Melayu sebagai bahasa dunia? Usaha ini memerlukan perancangan yang rapi dan berkesan, meskipun memerlukan tempoh yang panjang dan beransur-ansur. Dewasa ini, faktor-faktor yang masih lagi menjadi pemangkin sesebuah ketamadunan selain anjakan paradigma, ialah perkembangan pendidikan, kestabilan politik, pengaruh media, tekanan ekonomi dan juga kesan teknologi dalam kehidupan kita. Singapura bakal memperingati 200 tahun kesan awal pembangunan sejak 1819. Semestinya,

perkembangan bahasa Melayu melalui pelbagai fasa yang sejajar dengan perkembangan ekonomi di Singapura. Bagi sesebuah bahasa untuk melangkah kemudian meluncur berkembang memerlukan komuniti penutur yang luas. Tanggungjawab kita, tanggungjawab bersama.

PENGENALAN: TEGUH MELANGKAH

Bahasa Melayu ialah bahasa Kebangsaan Singapura. Perlembagaan Singapura juga menetapkan bahawa bahasa Melayu dan tiga bahasa yang lain, iaitu Mandarin, Tamil dan Inggeris ialah bahasa rasmi. Dalam penakatan kehidupan dengan kekurangan sumber alam semula jadi, negara Singapura perlu mencari ruang dan peluang agar terus berkembang pesat dan kekal relevan bagi merancakkan ekonomi dalam pelbagai bidang seperti kewangan, perbankan, perdagangan dan sebagainya. Bagi menembusi pasaran antarabangsa dan menarik para pelabur asing, Singapura mengambil inisiatif padu bagi membenarkan bahasa Inggeris sebagai bahasa rasmi bagi tujuan-tujuan melaksanakan dasar-dasar pemerintah dan bahasa Inggeris juga menjadi bahasa pengantar utama di sekolah-sekolah di Singapura.

Selain bidang ekonomi, bahasa Inggeris menjadi bahasa rasmi bagi menyatupadukan masyarakat yang majmuk di Singapura. Generasi selepas perang kebanyakannya boleh bertutur dalam bahasa Melayu (sama ada urusan rasmi bagi pegawai kementerian pada suatu ketika atau bahasa kolokial di pasar-pasar dan di pusat kejranaan). Perkembangan bahasa Inggeris yang pesat telah menjadi bahasa percakapan utama dalam kalangan generasi hari ini.

Namun, bahasa Melayu terus menjadi bahasa ketika berkawad dan semasa perbarisan dalam tentera. Lagu kebangsaan dalam bahasa Melayu juga dinyanyikan di sekolah-sekolah pada setiap hari dan pada acara-acara rasmi. Lagu-lagu rakyat dalam bahasa Melayu seperti *Di Tanjung Katong, Dayung Sampan, Singapura, Semoga Bahagia* masih lagi menjadi pengisian di dalam bilik darjah bagi semua murid.

Kelangsungan bahasa Melayu memerlukan perancangan rapi dan usaha padu bagi mencapai kesan berpanjangan. Penyebaran ilmu dalam kalangan masyarakat (luar dan dalam negara) sangat penting. Ia dilakukan menerusi pendidikan, teknologi dan program masyarakat seperti Bulan Bahasa.

Perancangan yang Rapi dan Kesan Berpanjangan

Dunia akan senantiasa berubah. Tidak ada yang dapat menyangkal kenyataan ini. Era globalisasi misalnya akan memaksa setiap negara dan bangsa memaksimumkan segala sumber dalam usaha memastikan kerelevanan ilmu dan teknologi. Perubahan akan datang tanpa menunggu kita. Perkembangan bagi perubahan tersebut akan menjejaskan tatanan fabrik kehidupan. Generasi Z atau juga dikenali sebagai pasca-milenia akan berdepan dengan pelbagai perubahan. Pelbagai *gadget* dan hidangan digital merupakan 'santapan halwa' yang lumrah bagi mereka.

Kesan daripada perancangan yang rapi dan pelibatan semua lapisan masyarakat akan memudahkan pelaksanaan yang ingin dicapai. Keunikan Singapura yang lahir daripada dasar bilingualisme memungkinkan Singapura menjadi sebahagian daripada ekonomi dunia yang berjaya dalam masa yang sama

mengekalkan jati diri etnik masing-masing. Perdana Menteri Singapura yang pertama, iaitu Encik Lee Kuan Yew menyatakan dengan pemilihan bahasa Inggeris sebagai bahasa utama membantu untuk mengelakkan konflik etnik. Pada masa yang sama, dasar bilingualisme telah memanfaatkan negara kerana bahasa Inggeris merupakan bahasa perhubungan antarabangsa dalam sektor perdagangan, perniagaan, sains dan teknologi, hubungan antara negara dan sebagainya. Dasar bilingualisme Singapura yang berteraskan kepada model *language rationalisation policy* menyumbang kepada mobiliti sosial, kesamaan identiti dan kecekapan.

Kajian Dr. Mohamed Pitchay Gani Aziz, 2014 terhadap keberdayaan etnolinguistik Melayu di Singapura merumuskan bahawa bilingualisme membantu masyarakat Melayu dari segi pragmatik bahasa dan tradisi mereka. Dari sudut bangsa dan agama, bangsa Melayu menunjukkan peratusan tertinggi sekali berbanding dengan bangsa-bangsa lain dari segi peri pentingnya bangsa dan agama dalam identiti mereka. Penggunaan bahasa Melayu, sikap terhadap bahasa Melayu dan kecekapan dalam bahasa Melayu menunjukkan keberadaan yang tinggi kerana lingkungan rumah, sekolah, kawan-kawan dan agama. Lingkungan tersebut membantu menyemai identiti Melayu dan keakraban terhadap bahasa Melayu. Kajian yang melibatkan lebih daripada dua ribu belia menunjukkan bahawa 76% responden menggunakan bahasa Melayu di rumah. Dalam golongan ini, 96% responden masih menggunakan bahasa Melayu apabila bercakap dengan ibu, bapa, datuk dan nenek. 80% responden menggunakan bahasa Melayu apabila berbual dengan kawan-kawan.

Usaha di Sekolah-sekolah

Dasar dwibahasa atau bilingualisme di Singapura telah menjadi sistem yang ampuh bukan hanya menyatupadukan rakyat, bahkan memastikan jati diri bangsa tidak terpinggir. Dasar tersebut memastikan bahawa rakyat Singapura dapat memanfaatkan kedua-dua bahasa untuk memenuhi keperluan pembangunan negara.

Di sekolah, setiap pelajar dikehendaki untuk mengambil mata pelajaran bahasa Ibunda sejak darjah satu lagi. Bahkan, pusat-pusat tadika dewasa ini juga menawarkan pilihan bahasa Ibunda kepada kanak-kanak.

Perkembangan dan pembangunan dasar pendidikan di Singapura berpusatkan pelajar. Setiap perubahan adalah untuk menjana modal insan, arif budiman. Maka, beberapa perkara perlu dilakukan, iaitu perkembangan infrastruktur sekolah-sekolah, pelakaran kurikulum yang bersepadu dan berkualiti, pembangunan profesional bagi guru-guru, pelibatan masyarakat (termasuk ibu bapa, pihak akar umbi) dan sebagainya.

Strategi pengajaran dan pembelajaran juga penting. Hasilnya adalah untuk menarik minat para pelajar dan sekali gus mencintai bahasa Melayu. Guru-guru bahasa Melayu sering melibatkan diri dalam seminar di dalam negara mahupun di luar negara. Selain berkongsi strategi pengajaran dan pembelajaran, mereka juga merupakan *catalyst* tatkala menyampaikan kertas kerja seminar dan sidang di dalam bahasa Melayu di luar negara.

Bagi para pelajar pula, antara program bahasa, budaya dan sastera Melayu yang intensif ialah Program Elektif Bahasa Melayu di Sekolah Menengah (EMAS) dan Program Elektif Bahasa Melayu (MLEP) di Maktab Rendah. Program-program ini menjadikan sasaran kepada para pelajar yang didapati menjurus kepada pemerolehan bahasa yang lebih baik dan juga mengandungi minat mendalami sastera dan budaya Melayu pada aras yang lebih tinggi.

Para pelajar melibatkan diri dalam program lawatan sambil belajar di luar negara terutama negara-negara rumpun Melayu bagi mendalami bahasa dan budaya sesebuah etnik. Mereka juga perlu melalui bengkel-bengkel sastera yang intensif oleh para penulis mapan di Singapura bagi mendedahkan dan mendekatkan semua pelajar dengan jati diri Melayu.

Selain dua buah program tersebut, para pelajar juga boleh menawarkan diri untuk mengikuti Program Khas Bahasa Melayu (*Malay Special Programme*) di Sekolah Menengah. Program ini dikhususkan kepada para pelajar asing yang bukan Melayu. Kini, bahasa Melayu IB juga boleh diikuti bagi sekolah-sekolah yang menawarkan Diploma IB.

Tujuan untuk menduniakan bahasa Melayu tidak perlu untuk bergerak secara fizikal. Arus kemodenan sekolah-sekolah pada hari ini telah menjadikan pelan induk ICT yang ke-4 atau *ICT Masterplan 4*, iaitu untuk mencapai visi *Future-Ready and Responsible Digital Learners*, (Pengguna yang Bersedia bagi Masa Depan dan Pelajar Digital yang Bertanggungjawab).

Era digital telah merencanakan lagi penggunaan alat-alat teknologi dan memungkinkan pembelajaran rentas sempadan. Para pelajar dewasa ini boleh mendapatkan informasi dengan sekelip mata melalui isi padu internet. Dengan penggunaan internet juga, para pelajar boleh berinteraksi dengan pelajar lain di luar negara, misalnya sejauh Rusia untuk bertukar-tukar pendapat, mengenali budaya masing-masing, mempelajari bahasa Melayu dan sebagainya. Terdapat juga usaha guru-guru untuk menjalinkan pertandingan secara dalam talian seperti pertandingan bahas dan kuiz bahasa misalnya dengan para pelajar di Australia.

Usaha Masyarakat

Pada tahun 2018, Bulan Bahasa anjuran Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) telah meraikan ulang tahun yang ke-30. Kali pertama dianjurkan pada 1988 dalam acara yang agak sederhana kerana peruntukannya yang amat terbatas. Acara-acara yang sering mendapat perhatian ialah berbalas pantun, membaca sajak dan syair, drama, petah bercakap, kuiz bahasa dan teka teki, persembahan nyanyian dan sebagainya.

Kini, Bulan Bahasa berkembang luas dan masih teguh melangkah menentang arus, iaitu trend penggunaan bahasa Inggeris yang kian dominan di Singapura. Persoalan lain ialah tahap mutu dan kecekapan penutur jati yang sering dipersoalkan.

Sebelum 2011, Bulan Bahasa dianjurkan secara dwitahunan dan berselang seli dengan anjuran Anugerah Persuratan bagi menjimatkan kos dan tenaga. Namun, dek sambutan masyarakat yang semakin meluas, acara Bulan Bahasa telah

dianjurkan pada setiap tahun. Dengan adanya pendanaan yang lebih luas melalui Jawatankuasa Pembelajaran dan Penggalakan Penggunaan Bahasa Melayu (MLLPC), acara-acara Bulan Bahasa semakin rancak. Penganjuran aktiviti-aktiviti bagi bahasa, budaya dan sastera Melayu mencapai sasaran bagi semua lapisan masyarakat dan budaya.

Antara kejayaan penganjuran Bulan Bahasa ialah perancangan awal yang memberi imbuhan berpanjangan. Salah satunya ialah tema yang mudah untuk digarap masyarakat, iaitu Ilmu, Budaya, Mesra menjadi pemangkin kepada banyaknya rakan kerjasama yang memohon untuk mendapatkan dana. Pemantauan dan penilaian yang khusus juga diberikan semasa dan selepas sesebuah acara tersebut dianjurkan.

Jika dahulunya, acara-acara Bulan Bahasa sering dihiasi dan dihadiri oleh para penulis yang mapan, golongan penulis muda, elita budaya, kini, acara-acara bahasa dan sastera sudah mula diterima 'mesra' oleh masyarakat kebanyakannya. Acara pelancaran tidak hanya tertakluk kepada satu acara gah di satu-satu tempat sahaja. Wujudnya beberapa acara pelancaran di estet-estet perumahan, Acara Unggul dan penganjuran Acara Semarak telah membawa Bulan Bahasa kepada masyarakat tempatan. Dengan demikian, penyebaran kegiatan Bulan Bahasa kian meluas apabila banyak penyertaan daripada Jawatankuasa Eksekutif Kegiatan Melayu (MAEC) di Balai Rakyat, jumlah aktiviti yang semakin meningkat saban tahun.

Malah, acara Bulan Bahasa mendapat sambutan meluas termasuk daripada kalangan bukan Melayu. Terdapat juga peningkatan penyertaan daripada golongan remaja dan kanak-kanak melalui acara-acara bahasa dan budaya.

Pemilihan lokasi bagi satu-satu acara memainkan peranan yang sangat penting. Lokasi seperti di Taman di Pesisiran, Marina Bay dan institusi-institusi kebudayaan seperti Taman Warisan Melayu, Muzium Negara, Muzium Tamadun Asia memberi impak yang sangat positif kerana lokasi yang mudah dikunjungi masyarakat tempatan dan juga para pelancong. Penyertaan masyarakat bukan Melayu bagi acara-acara Bulan Bahasa semakin mendapat sambutan. Bukan itu sahaja, pengisian di lokasi tersebut memainkan peranan utama bagi menghidupkan acara-acara yang diadakan. Terdapat dua buah program yang menjadi pemangkin kepada rancaknya penyertaan masyarakat umum kepada acara-acara Bulan Bahasa, iaitu Duta Bahasa dan Rakan Bahasa.

Duta Bahasa

Pertama, ialah pelantikan Duta Bahasa. Dengan pelantikan personaliti-personaliti yang mempunyai pengaruh yang luas dalam kalangan mereka, di samping mempunyai tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik, seseorang individu itu telah dilantik sebagai Duta Bahasa bagi menyebarkan mesej untuk menggunakan bahasa Melayu dan mencintai bahasa dan budaya kita. Antara individu yang dilantik ialah personaliti popular seperti Ramli Sarip, Taufik Batisah, Imran Ajmain, personaliti radio dan televisyen seperti Fiza O, Dzar Ismail, Riz Sunawan, golongan profesional, Dr. Jazlan Joosop, Dr. Elly Sabrina dan juga aktivis daripada golongan

asatizah, iaitu Ustaz Zahid Zin dan Ustazah Nurul Izzah. Puan Rahayu Mahzam yang merupakan Pengerusi Bulan Bahasa sejak 2016 juga Duta Bahasa yang pertama pada tahun 2012 merupakan seorang anggota parlimen dan peguam. Tugas-tugas yang diberikan kepada Duta Bahasa adalah dalam ruang lingkup kapasiti bakat dan kepakaran mereka.

Apabila pihak stesen Radio Ria FM89.7 menganjurkan program “Serbu Sekolah” anjuran bersama Majlis Bahasa Melayu Singapura, personaliti radio dan Duta Bahasa telah menjelajah sekolah-sekolah bukan sekadar untuk hiburan tetapi pengisian yang bertemakan penggunaan bahasa Melayu dengan baik. Acara tersebut sering dinanti-nantikan oleh para pelajar. Mereka dapat melihat dan mendengar sendiri personaliti kesayangan mereka menggunakan bahasa Melayu dengan fasih di hadapan mereka.

Rakan Bahasa

Program Rakan Bahasa diperkenalkan untuk merapatkan jurang penutur bahasa Melayu daripada kalangan anak-anak muda terutama para pelajar sekolah dan melantik suri teladan dalam kalangan mereka yang lebih selesa menggunakan bahasa Melayu. Setiap tahun semasa acara pelantikan Rakan Bahasa, pelibatan Duta Bahasa dalam menjalankan bengkel-bengkel untuk mereka menjadi pembakar semangat agar mereka boleh menjadi suri teladan terutama di sekolah masing-masing.

Sejak diperkenalkan beberapa tahun kebelakangan ini, semakin ramai Rakan Bahasa dilantik. Mereka terdiri daripada murid-murid Darjah 4 hingga Maktab Rendah. Kefasihan mereka bertutur dalam bahasa Melayu harus dipuji. Mereka juga sering diundang sebagai juru acara bagi sesebuah majlis terutama Bulan Bahasa. Tugas mereka selain menjadi suri teladan di sekolah, adalah untuk menjalani sesi latihan sebagai juru pandu muzium, memahirkan diri dengan membuat liputan acara-acara Bulan Bahasa dan sebagainya. Sokongan Ibu Bapa juga menjadi punca kejayaan acara Rakan Bahasa. Pelibatan Rakan Bahasa sering berlangsung di luar waktu kurikulum dan juga pada hujung minggu.

Selepas 30 Tahun Bulan Bahasa

Memandang ke hadapan, Bulan Bahasa pada tahun ini mengambil inisiatif baharu. Cita, Citra dan Cinta merupakan tema baharu yang menjadi wahana selepas 30 tahun sambutan Bulan Bahasa. Gagasan utama daripada tema baharu ini adalah untuk mula melangkah menggapai sebuah aspirasi yang dapat kekal di hati nurani. Bahasa Melayu akan terus menjadi lantunan jati diri dan cerminan budi dalam jiwa. Bulan Bahasa ialah acara untuk semua lapisan masyarakat dan semua etnik di Singapura.

Citra Bulan Bahasa dalam kalangan masyarakat di Singapura akan terus kekal menjadi satu ruang bagi peneguhan identiti etnik rumpun Melayu. Semestinya pelbagai kaedah baharu harus sejajar dengan perkembangan teknologi pada hari ini. Generasi pada hari ini lebih dahagakan sesuatu yang interaktif bagi menarik minat mereka. Pembelajaran secara didaktik sudah menjadi terkebelakang.

Untuk menyemai rasa cinta kepada bahasa dan budaya Melayu, generasi hari ini lebih memilih aktiviti-aktiviti yang mampu mencabar minda.

Laju Meluncur

Ibarat sistem pengangkutan gerak cepat (MRT) atau *bullet train*, sistem kereta api sebegini sudah mula meluncur laju untuk tujuan merangkai kehidupan manusia supaya menjadi lebih cekap dan memudahkan mobiliti sosial. Maka, seperti yang dinyatakan awal dalam makalah ringkas ini, Generasi Z sudah lahir dengan celik IT. Teknologi sudah mendominasi dunia hari ini ibarat suatu tularan yang menguasai diri. Namun, tularan tersebut masih boleh dibendung dengan hemat. Penguasaan dan peneguhan teknologi, iaitu IT tidak boleh disangkal dan tidak boleh dielak. Pengguna bijak melahirkan masyarakat etika.

Teknologi, Mendominasi Dunia

Dari sudut ekonomi, pengeluaran produk-produk yang berjenama Melayu dari rumpun Melayu sudah meliputi negara-negara Eropah. Perdagangan dalam talian juga memudahkan masyarakat dunia mengakses kepada barang-barang keperluan mereka. Penceritaan Alibaba daripada masyarakat Arab-Parsi yang menjadi popular dan Alibaba dalam filem Melayu oleh P. Ramlee, kini bertukar konsep menjadi satu jenama wahana untuk tujuan jual-beli oleh pengasas orang Cina. Transaksi tanpa wang tunai diguna pakai melalui sistem pembayaran *Alipay*.

Multi-Pronged Rail Technology

Konsep *Multi-Pronged Rail Technology* (MRT) ialah konstruksi infrastruktur rel yang mempunyai jalur berganda kepada landasan rel. Ia merupakan satu kaedah untuk berhubung dengan lebih cekap dan pantas terutama di sesebuah negara yang besar. Analogi tersebut sejajar dengan konstruksi infrastruktur dalam talian (*online*) yang mengandungi ruang dan peluang yang lebar dan berangkai. Kehidupan manusia pada hari ini mengandungi pelbagai landasan seperti MRT yang digunakan bagi mencapai matlamat kehidupan. Jika tersalah bawa, akan membawa padah. Bahasa ialah landasan, Teknologi merupakan rangkaian yang boleh membawa bahasa tersebut ke mana sahaja.

Dengan adanya aplikasi-aplikasi media sosial seperti *Facebook, Twitter, Instagram, Linked, Youtube* dan sebagainya memudahkan sesuatu tindakan mendapat perhatian umum kerana ada unsur 'like', 'dislike', 'comment', 'share' bagi memenuhi tuntutan penyebaran umum. Masyarakat global lebih mudah tertarik dengan perkara-perkara yang sensasi. Pada masa yang sama, pengguna IT boleh menggunakan aplikasi yang berbeza pada satu-satu masa dengan cepat dan mudah. Maka, pengaruh bahasa yang diinginkan pihak-pihak tertentu harus dijadikan sasaran bukan hambatan.

Pengaruh media sosial amat hebat seakan-akan menjadi satu sindrom, sama ada bahasa itu boleh diteguhkan atau dilunturkan. Di Singapura misalnya, banyak aktiviti kebahasaan, kesusasteraan dan sebagainya diuar-uarkan melalui media sosial bagi menarik golongan-golongan tertentu. Bukan itu sahaja, bahkan ada ruang untuk menulis komen-komen yang membina perihal aktiviti tersebut.

Jika dahulu kehadiran *Blog* dan *Friendster* menjadi satu fenomena baharu, kini menjadi kian lapuk. Selain aplikasi-aplikasi yang disentuh di atas, terdapat juga beberapa aplikasi seperti *Youtube*, *Smule*, *Tik Tok* dan sebagainya.

Sindrom Media Sosial (SMS) seakan-akan menjadi satu budaya masyarakat pada hari ini. Hakikatnya, untuk menghulurkan bantuan, bukan sekadar menunggu kad derma tetapi penyebaran klip video dan iklan-iklan untuk mengutip sumbangan bagi mereka yang memerlukan. Jika dahulu *Youtube* hanya menjadi pelantar untuk tontonan klip video, kini aplikasi tersebut sudah menjadi “Autobiography”, “Dokumen-Diri”, pencarian bakat seperti menyanyi, iklan untuk produk, perkahwinan dan sebagainya. Dengan fungsi “live”, apa sahaja adegan pada saat dan ketika itu menjadi tontonan umum. Jika dilihat dari sudut positifnya, fungsi tersebut harus diambil iktibar untuk dijadikan wahana untuk penyebaran bahasa Melayu.

Penggunaan bahasa Melayu yang digunakan dalam zaman teknologi terutama di Singapura ada kalanya membimbangkan. Terlalu banyak singkatan yang *#legit* oleh golongan muda termasuk *emoticon* yang merujuk kepada perasaan seseorang pengguna yang sedang berkomunikasi agar mudah disampaikan. Prinsip penggunaannya ialah selagi *encoder* dan *decoder* memahami wacana perbualan, banyak penyimpangan boleh berlaku.

KESIMPULAN

Kedudukan dan peranan bahasa Melayu yang pernah menjadi lingua franca rantau ini juga akan mengalami kesan arus ekonomi, pengaruh politik dan mobiliti sosial.

Namun, hakikatnya rumpun Melayu akan tetap menjadi penting selagi digalas dan dipacu oleh masyarakat. Pertalian pengukuhan bahasa dan budaya rantau ini mendorong pihak-pihak berkepentingan untuk bekerjasama dengan beberapa badan tempatan seperti Lembaga Adat Melayu (Riau). Hal ini dilaksanakan bagi program lawatan sambil belajar bagi guru bahasa dan juga para pelajar. Selain itu juga guru-guru bahasa sering mengadakan lawatan bagi membentangkan kertas kerja atau perkongsian pengajaran dan pembelajaran bersama-sama guru-guru di luar negara.

Kedudukan Bahasa Melayu masih subur di Singapura. Dalam pertemuan masyarakat Melayu, pemimpin bukan Melayu akan cuba berucap dalam bahasa Melayu. Bahasa Melayu juga masih digunakan untuk pengumuman di lapangan terbang dan sistem pengangkutan gerak cepat MRT.

Dalam syarahan Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang ke-8 pada tahun 2015, Prof. Dr. Hatta Azad Khan membentangkan ucap tama yang berjudul “Menduniakan Bahasa Melayu Melalui Industri Kreatif”. Beliau menyentuh tentang beberapa perkara, yang pertama “...apabila filem beredar untuk tatapan umum bergerak atas dua jalur yang berbeza: jalur komersial dan jalur artistik. Dalam industri filem aspek ini menjadi faktor ekonomi yang sangat penting kerana menghasilkan pulangan.” Beliau juga menyebut bahawa “Menduniakan sesuatu bahasa itu harus ada perancangan dan strategi yang rapi seperti yang telah dibuat oleh Korea. Kerjasama yang erat antara berbagai-bagai agensi atau pihak berkuasa yang mempunyai matlamat pelbagai bidang harus diutamakan. Korea

misalnya menggabungkan seni, teknologi, pelancongan serta ekonomi dengan begitu padu.”

Jika bahasa-bahasa asing menggunakan institusi seperti *Alliance Francaise*, *Goethe Institute*, *United States Information Services*, *British Council* dan *Japan Foundation* bagi tujuan mengembangkan bahasa dan budaya mereka di negara luar, perlukan institusi-institusi Melayu bergerak ke arah sedemikian juga?

Singapura mempunyai pengalaman dalam mengembangkan bahasa Inggeris. Pada masa yang sama harus membela bahasa ibunda sebagai pemantap budaya (*cultural ballast*). Usaha ini telah membantu peneguhan bahasa Melayu. Dengan adanya Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) yang kian cergas dalam usaha perancangan dan pembinaan bahasa Melayu itu menjadi bukti peneguhan ini.

Persoalan bagi bahasa Melayu Singapura ialah mutu penggunaannya. Adakah pengguna bahasa Melayu mendisiplinkan diri dengan menggunakan bahasa Melayu yang betul dan tepat? Banyak kajian dan perancangan serta pembiayaan perlu dilaksanakan. Satu perkara yang pasti ialah laluan ke arah masa depan yang cerah untuk bahasa Melayu di Singapura tetap ada.

RUJUKAN

- Hakuta, K., 1986. *Mirror of Language. The Debate on Bilingualism*. New York: Basic Books Inc.
- Hatta Azad Khan, Prof. Dr., 2015. Kertas Kerja Seminar Kebahasaan Sidang ke-54 Mabbim 2015. Tajuk: "Memperkukuh Peranan Bahasa Melayu Dalam Dunia Seni: Cabaran dan Strategi".
- Mohd Pitchay Gani Abdul Aziz, Dr, 2018. *Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan 2018*. "Bilingualisme: Rahsia Vitalitas Bahasa Melayu di Singapura". Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura.
- Ulwick, A. W., 2002. "Turn Customer Input into Innovation" dlm. *Harvard Business Review*. 1 Jan 2002, 80(1): 91-7, 126.
- Yatiman Yusof dan Mohd Raman Daud, 2018. *Sekata: Jurnal Bahasa dan Persuratan 2018*. "Sudah 30 Tahun Bulan Bahasa". Singapura: Majlis Bahasa Melayu Singapura.